

**PANDUAN TATACARA PENGENDALIAN OLEH WARGA**  
**JABATAN PERKHIDMATAN POS SEMASA PANDEMIK COVID - 19**

1. Penggunaan penutup muka dan sarung tangan oleh pegawai – pegawai mel dan kakitangan lain semasa pemunggahan mel (bungkusan dan surat / dokumen) yang diterima samaada melalui udara (BIACC) dan laut (Pelabuhan Muara).
2. Mel yang diterima akan diasingkan dan disimpan di kawasan khas di dalam Pusat Memproses Surat dan Bungkusan (MPC) untuk di kuarantin selama 72 jam dan di sembur menggunakan bahan kimia oleh syarikat yang telah dilantik.
3. Pegawai & kakitangan terlibat hendaklah menggunakan penutup muka dan sarung tangan semasa proses imbasan X-ray pada bungkusan-bungkusan yang diterima dari luar negara.
4. Kakitangan yang terlibat dalam membuat imbasan pada dokumen dan bungkusan (EMS, *Parcel*, Mel Berdaftar) menggunakan sistem IPS untuk menunjukkan bungkusan tersebut telah diterima di MPC hendaklah sentiasa menggunakan penutup mulut.
5. Orang ramai akan menerima barang mereka setelah selesai proses sanitasi, kuarantin dan selesai diproses oleh Jabatan:
  - a. Melalui penghantaran oleh posmen dengan mempraktikkan penjarakkan sosial sepertimana mengikut saranan Kementerian Kesihatan (MOH).
  - b. Pengutipan barang di cawangan Pejabat Pos dengan mengimbas BruHealth *QR code*, pemeriksaan suhu badan dan mengamalkan penjarakkan sosial.